

## Aktiviti Urusniaga Saham Menurut Perspektif Islam

MOHAMAD SABRI HARON

### ABSTRACT

*Transaction activities of stocks market are complicated compared with the others. In general, such activities can be divided into two: spot transaction and deferred contracts of exchange. The question arises according to the syariah laws whether the activities of such transactions are permissible or not. This paper embarks to clarify this question under the Islamic perspective of view.*

### PENGENALAN

Dewasa ini saham telah menjadi perkara yang lumrah didengar, namun tidak ramai yang perihatin tentang perjalanannya khususnya mengenai aspek syariah. Sebenarnya persoalan mengenai hukum syariah perlu dilihat menerusi pelbagai aspek bukan sekadar jenisnya sahaja tetapi juga melibatkan aktiviti ketika urusniaga dijalankan. Kertas ini cuba meninjau mengenai aktiviti urusniaga saham yang biasa berlaku di dalam bursa saham. Walaupun terdapat pelbagai aktiviti yang diniagakan di bursa saham, namun secara umumnya terdapat dua aktiviti urusniaga yang biasa berlaku iaitu secara tunai atau secara tangguh.

Urusniaga tunai apabila urusniaga berlaku di antara kedua pihak penjual dan pembeli secara tunai atau segera manakala urusniaga secara tangguh pula berlaku apabila salah satu pihak menanggungkan urusniaga hingga ke satu tarikh akan datang.<sup>1</sup>

## AKTIVITI URUSNIAGA DI DALAM BURSA SAHAM

Umumnya terdapat dua bentuk aktiviti yang dijalankan di bursa saham:

### **Pertama: Urusniaga Jualan Segera (Spot):**

Menurut Samir Abdul Hamid, aktiviti ini berlaku terhadap urusniaga ekuiti yang berjalan di kaunter yang sentiasa berubah harganya berdasarkan prinsip permintaan dan penawaran dan terhasil penerimaan ekuiti dengan penyerahan harga serta-merta.<sup>2</sup>

Sebahagian yang lain mengatakan bahawa aktiviti ini tertentu kepada urusniaga yang dijalankan oleh orang yang mahu melaburkan harta mereka menerusi pembelian ekuiti bagi mendapat keuntungan atau bercita-cita mendapat hadiah ketika cabutan bertuah atau bertujuan untuk mendapat keuntungan melalui perbezaan harga yang berlaku.<sup>3</sup>

Pada dasarnya urusniaga seperti ini kelihatan sama sepertimana jualbeli biasa yang berlaku secara tunai. Walaubagaimanapun jualbeli yang termasuk dalam kategori ini di dalam bursa saham agak berbeza kerana terdapat jualan tertentu yang diistilahkan sebagai jualan singkat dan jualan secara margin.

### **i. Jualan Singkat (*short selling*):**

Menurut Fredrick Amling, jualan singkat ini ialah jualan saham yang 'dipinjam' dengan harapan bahawa harga saham akan menjadi rendah (turun) dan apabila harga saham tersebut menjadi rendah, 'peminjam' (selaku penjual saham) tadi akan membeli saham di dalam pasaran untuk 'mengganti' semula saham yang telah dipinjamnya kepada pemilik saham (yang memegang saham dalam jangka masa yang panjang) yang dipinjam tadi. Urusan ini menjadi mudah dengan bantuan pihak broker.<sup>4</sup>

Contohnya, syarikat XYZ yang dikendalikan oleh pengurus baru pada masa sekarang menjual saham dengan harga RM50 satu unit. Apabila

spekulator merasakan bahawa pengurus baru tersebut membuat kesilapan dan beliau meramalkan bahawa saham nanti akan jatuh sedikit masa lagi pada harga RM30 satu unit, lalu spekulator tadi 'meminjam' 1000 saham syarikat melalui bantuan broker lalu menjualnya dengan harga RM50 satu unit. Apabila ramalannya tepat pada masanya di mana harga telah jatuh pada RM30 kemudiannya, ia mendapat keuntungan segera dalam tempoh yang singkat.

Oleh itu ia mendapat keuntungan singkat jika ramalannya menjadi kenyataan. Walaubagaimanapun risiko yang dihadapinya ialah apabila ramalannya meleset iaitu harga yang diandaikan 'turun' tadi tiba-tiba meningkat 'tinggi' pada hari di mana ia sepatutnya ia mengganti semula saham yang 'dipinjam'nya itu. Dalam hal ini ia terpaksa menanggung kerugian dalam tempoh yang singkat. Contohnya saham yang berharga RM50 tadi yang disangkakan akan turun kepada RM30 telah meningkat harganya menjadi RM70, maka ia terpaksa menggantinya dengan membayar tambahan RM20 bagi setiap satu unit ( $RM50+RM20=RM70$ ).

### **Hukum Jualan Singkat**

Berkata Samir Abdul Hamid Redhuan:

“Jualan disempurnakan bagi pihak spekulator atau jika kamu mahu boleh disebut sebagai kaki judi (Gambler) dengan harapan bahawa harga akan turun dan beroleh keuntungan. Apabila berlaku demikian pada tarikh yang sepatutnya, dia akan membeli ekuiti tersebut dengan harga yang lebih rendah dari harga yang dijualnya untuk dikembalikan semula ekuiti tersebut kepada pemiliknya yang asal. Oleh kerana jualan ini berlangsung dalam pasaran 'spot market', maka penjual mestilah menyerahkan skrip ekuiti ini kepada pembeli dalam masa yang singkat tidak lebih dari satu hari sehingga keempat hari pada kebanyakan bursa di dunia seperti di Bursa New York”.<sup>5</sup>

Asas fikah Islam di dalam hal ini ialah jualbeli adalah sah dan harus secara umumnya dan ianya tidak ada larangan sepertimana firman Allah s.w.t surah al-Baqarah ayat 275 yang bermaksud :(Allah telah menghalalkan berjualbeli)<sup>6</sup>. Namun begitu harus di sini bukan bermaksud pengharusan di dalam semua keadaan urusaniaga ini. Kadangkala ianya terkeluar dari garis panduan hukum yang membawa kepada hukum yang lain pula (iaitu haram) apabila melihat dari sudut matlamat akhir (niat yang menyeleweng) dalam urusaniaga tersebut yang termasuk dalam kaedah *hiyal* (helah/mengelat).<sup>7</sup>

Urusniaga jualan singkat ini perlu dilihat dari beberapa sudut:

1. Seandainya jualan ini diumpamakan seperti *ba'i al-fudhuli* iaitu seseorang menjual harta milik orang lain dengan syarat jika pemiliknya bersetuju maka termenterailah jualbeli, jika tidak maka ianya terfasakh., dari segi hukum terdapat beberapa pandangan di sisi ulama' fekah.
  - i- Mazhab Hanafi dan Mazhab Maliki berpendapat bahawa jual beli seperti ini adalah harus tetapi tertakluk kepada akad tersebut sama ada pembelian itu diniatkan khusus untuk dirinya atau untuk pemilik sebenar wang tersebut<sup>8</sup> seperti mana hadis "Urwah iaitu Nabi s.a.w telah memberinya satu dinar untuk pembelian seekor kambing biri-biri. Dengan wang tersebut "Urwah membelinya sebanyak dua ekor lalu menjualnya salah satu dari keduanya dengan harga satu dinar. Kemudian beliau membawa wang satu dinar bersama-sama seekor kambing tadi bertemu Nabi s.a.w dan Nabi s.a.w mendoakannya dengan keberkatan."<sup>9</sup>
  - ii- Menurut Mazhab Syafi'e dan Mazhab Hanbali barang jualan yang hendak dijual mestilah dimiliki oleh penjual. Oleh itu *ba'i al-fudhuli* tidak sah bersandarkan hadis<sup>10</sup> Rasulullah s.a.w yang bermaksud: (Tidak halal menjual sesuatu yang tidak ada pada kamu)<sup>11</sup>.

Menurut Ibnu Rejab bahawa *ba'i al-fudhuli* adalah harus tetapi tertakluk kepada keizinan pemiliknya- apabila ada hajat atau keperluan

untuk transaksi tersebut- sama ada melibatkan barangan orang lain atau barangan sendiri. Ini boleh berlaku disebabkan kejahilan tentang barangan tersebut atau barangan belum wujud pada masa akad atau sukar untuk menunggunya.<sup>12</sup>

Ibnu Taimiah berpendapat bahawa “*illah* tentang larangan jualbeli barangan yang tidak wujud atau barangan yang tidak dimiliki ialah gharar”<sup>13</sup> bukan disebabkan semata-mata barangan tersebut tidak wujud. Sekiranya jualbeli tersebut tidak melibatkan gharar dan judi maka tidak mengapa seperti hasil tanaman yang baru berbuah yang berkekalan hingga masak.<sup>14</sup>

Penulis berpendapat *bai al-fudhuli* adalah harus tertakluk kepada keizinan pemiliknya apabila perlu, asalkan tidak wujud gharar atau perjudian. Mengenai hadis “Urwah di atas, pendapat penulis adalah seperti berikut:

- i- 'Urwah merupakan wakil Nabi s.a.w secara mutlak dan beliau tidak terikat dengan syarat-syarat yang khusus.
- ii- Masalah tersebut adalah kembali kepada Nabi s.a.w di mana Nabi s.a.w mendapat apa yang dikehendakinya iaitu kambing bersama-sama dengan keuntungan.
- iii- Dalam tempoh transaksi tersebut, tidak berlaku sebarang *darar*, *gharar* dan juga judi.

2. Jualan singkat ini terlibat dengan gharar dan judi jika dipandang dari aspek berikut:

- i- Menurut Samir Abdul Hamid Reduan, jualan ini berlaku melalui orang tengah (broker) tanpa pengetahuan dan keizinan dari pemilik saham. Oleh yang demikian, penjual saham (spekulator) melalui kerjasama pihak broker terpaksa mengganti semula saham yang telah “dipinjam” tadi kepada pemilik sahamnya yang asal (setelah dijualnya) pada hari yang tertentu. Dengan itu, spekulator terpaksa membeli semula sejumlah saham yang telah dijualnya, pada hari tertentu tanpa mengira harga saham tersebut tinggi

atau rendah. Apabila harga saham pada hari tersebut jatuh, maka dia mendapat keuntungan melalui perbezaan harga. Tetapi sekiranya harga saham tersebut melambung tinggi (lebih daripada harga yang dijualnya sebelum ini), maka dia mengalami kerugian dan kekecewaan.

ii- Niat spekulator tidak menepati syariat.

Terdapat helah di dalam jualbeli ini iaitu meminjam saham tanpa keizinan dan pengetahuan pemilik saham yang asal, bagi tujuan menjualnya kepada pembeli. Persoalannya kenapa dia meminjam saham tersebut, sedangkan dia boleh membeli saham terlebih dahulu sebelum menjualnya kepada pembeli? Jawabannya mudah iaitu semata-mata untuk mendapat keuntungan melalui perbezaan harga secepat mungkin tanpa ada niat untuk memilikinya. Pada sangkaan spekulator ini, harga saham tersebut nanti akan turun begitu rendah pada masa akan datang iaitu pada masa yang sepatutnya dia “mengganti” semula saham yang “dipinjamnya”. Pada masa itu ia menjangka bahawa ia akan mendapat keuntungan menerusi perbezaan harga. Jika anggapannya meleset di mana harga saham melambung pada masa itu, ia akan mengalami kerugian. Ini merupakan salah satu dari bentuk judi.

Di dalam hal ini, Dr. Ma’bad ‘Ali al-Jarihi berkata:

“Jualan Singkat terdedah kepada syubhah yang banyak. Pertamanya ia adalah judi di atas harga ekuiti yang dijangkakan akan turun. Keduanya, ianya mengelirukan pembeli di mana penjual menyerahkan ekuiti yang dipinjam yang bukan menjadi miliknya. Ketiganya, broker yang menggadaikan (meminjamkan) ekuiti yang dimiliki oleh klien-kliennya (sebagai pemilik asal)”.<sup>15</sup>

Oleh yang demikian transaksi seperti ini adalah haram disebabkan kedapatan *gharar* atau judi seperti penjelasan di atas. Menurut Dr. Rafiq Al Misriy judi dan *gharar* sama maknanya. Apa yang membezakannya ialah *gharar* berlaku ketika jualbeli atau

seumpamanya, manakala judi berlaku ketika permainan atau seumpamanya.<sup>16</sup> Menurut Dr. Al-Sadiq al-Dharir perkataan gharar lebih umum berbanding dengan perkataan judi.<sup>17</sup>

Gharar yang dimaksudkan di sini tidak boleh dikategorikan sebagai *gharar yasir* iaitu gharar yang ringan yang boleh dimaafkan kerana *gharar yasir* ialah gharar yang urufnya sudah diketahui umum dan sukar untuk dielakkan seperti kacang ful yang hijau berselindung dibalik kulit yang sukar dikenal pasti kecacatannya. Begitu juga dengan sewa sewaktu memasuki bilik mandi, sedangkan masa yang digunakan itu berbeza dan kadar air yang digunakan juga berbeza.<sup>18</sup>

Meneliti tentang contoh-contoh tersebut kita dapati konsep gharar yang ringan menurut ahli-ahli fikah begitu ketat sekali sehinggakan uruf membenarkannya lantaran tidak dapat dielakkan sama sekali, jauh sekali dari memikirkan soal keuntungan atau kerugian yang memakan beribu-ribu atau berpuluh ringgit jumlahnya.

#### **b. Pembelian Saham secara Margin:**

Sebahagian berpendapat bahawa jualbeli secara margin adalah sama seperti jualan singkat kerana kedua-duanya urusan ini secara hutang. Apa yang membezakan di antara kedua-dua transaksi ini ialah jualan singkat berasaskan kepada pinjaman saham melalui pihak broker untuk dijual kepada pembeli, manakala pembelian secara margin pula ialah pihak pembeli (pelabur) menyerahkan sejumlah bayaran tertentu berdasarkan peratus yang dipersetujui. Contohnya pembeli hanya perlu membayar 25% dari harga saham. Manakala bakinya adalah dikira sebagai hutang pelabur tersebut kepada pihak broker dengan cagaran saham-saham yang telah dibeli dengan kerjasama pihak bank yang mengenakan faedah yang kecil.<sup>19</sup>

Sebagai contoh, jika pelabur ingin membeli saham yang harga keseluruhannya adalah RM12,000, maka ia perlu membayar sebanyak RM3,000 sahaja secara tunai dan berhutang sebanyak RM9,000 dari pihak broker dengan mempertaruhkan saham-saham

yang dibelinya itu.

Oleh itu

Jumlah Bayaran Tunai

-----  
Jumlah Harga Keseluruhan

=RM3,000

**RM12,000**

=25%

Di dalam contoh di atas, peratus harga yang perlu dikekalkan oleh pelabur ialah 25% iaitu sebanyak RM3,000. Oleh itu ia mesti mengekalkan kedudukan ini sepanjang masa transaksi, kecuali jika harga sahamnya jatuh, ia mestilah menambah jumlah bayaran sehingga tidak kurang dari jumlah kedudukan asalnya iaitu sebanyak 25%. Hal ini disebut sebagai panggilan margin (margin call).

Contohnya, jika harga saham keseluruhannya turun kepada RM10,000 dari harga asalnya RM12,000, maka jumlah susutnya ialah sebanyak RM2,000 dari harga asal. Oleh yang demikian, pihak pelabur mestilah menambahkan RM2,000 tersebut dengan segera untuk mengekalkan kedudukan asalnya. Jika sekiranya ia tidak mampu untuk membayar jumlah yang diminta tersebut, maka pihak broker akan bertindak menjual saham-saham tersebut bagi melangsaikan hutang-hutangnya berserta dengan bayaran faedah yang dikenakan. Bakinya barulah diserahkan kepada pelabur tersebut.<sup>20</sup>

### **Hukum Pembelian Saham Secara Margin**

Melihat kepada situasi di atas, transaksi ini adalah haram kerana terlibat dengan hutang yang disyaratkan dengan kadar faedah yang tertentu berdasarkan tempoh masa. Dalam hal ini transaksi tersebut mempunyai tiga unsur : pertamanya; hutang yang berterusan di bawah tanggungan pihak lain. Keduanya; tempoh. Ketiganya ialah faedah yang disyaratkan berhubung dengan hutang mengikut tempoh.<sup>21</sup>



**Kedua: Urusniaga Secara Bertanggung:**

Sebahagian mendefinisikannya sebagai transaksi yang mewajibkan setiap pembeli dan penjual menyelesaikannya pada tarikh akan datang yang ditentukan, di mana berlaku serah menyerah pada masa tersebut, kecuali berlaku penangguhan yang dipersetujui oleh bersama oleh kedua-dua belah pihak dengan syarat-syarat penangguhan beserta bayaran gantirugi.<sup>22</sup>

Sebahagian yang lain mendefinisikannya sebagai transaksi yang disepakati oleh kedua-dua belah pihak tentang penangguhan penyerahan barang dan pembayaran harga pada satu hari tertentu dan tujuan utama kontrak ini ialah untuk mendapat keuntungan yang bakal diperolehi oleh pelabur menerusi perbezaan harga di antara harga pada hari akad dengan hari penyelesaian (clearance) transaksi.<sup>23</sup>

Penyelesaian berlaku setiap sekali sebulan di mana penyerahan saham dan harga berlaku dalam tempoh beberapa hari dari tarikh penyelesaian. Transaksi secara bertanggung ini boleh beroperasi apabila terdapat saham melimpah begitu banyak yang sentiasa beredar dalam pasaran.<sup>24</sup>

**Hukum Urusniaga Secara bertanggung**

Landasan fikah di dalam transaksi ini ialah sebarang akad yang disandarkan kepada suatu tempoh untuk disempurnakan di dalam jenis jualbeli bertanggung kedua-duanya (iaitu penangguhan harga dan penangguhan serahan barang), tidak memberi makna pemilikan pada masa akad tersebut dijalankan dan ianya tidak bermakna jualbeli dalam ertikata yang sebenarnya.

Transaksi secara bertanggung ini adalah tidak harus dari segi syarak kerana sebab-sebab berikut:

- i- Jualbeli hutang dengan hutang:  
Oleh kerana kedua-dua pihak telah menanggungkan penyerahan harga dan barangan maka kedua-duanya adalah tergolong dalam jenis

jualbeli *al-dayn bi al-Dayn* atau *al nasiah bi al nasiah* yang jualbeli tanggung (barang) dengan tanggung (harga). Ianya disifatkan oleh Rasulullah s.a.w sebagai jualbeli *al kali' bi al-kali'*. Ibnu Umar meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. telah melarang jualbeli *al-kali' bi al-kali'*<sup>25</sup> iaitu jualbeli yang tidak ada barang/harga bagi kedua belah pihak pada masa akad dijalankan atau jualbeli bertanggung bagi kedua-dua pihak. Sungguhpun hadis ini lemah (daif) dari segi *sanadnya* tetapi tidaklah bermakna jualbeli ini diharuskan kerana semua ulama sepakat secara ijmak mengharamkannya.<sup>26</sup>

Ada yang melihat bahawa penanguhan harga dan barang adalah harus bersandarkan hadis Jabir r.a. yang meriwayatkan tentang unta lemah yang dinaikinya, lalu nabi S.A.W. memukulnya agar berjalan tetapi ia berjalan tidak seperti biasa. Nabi S.A.W. meminta agar dijualkan kepadanya dengan harga tertentu. Jabir r.a. kemudiannya menjual unta tersebut tetapi baginda Nabi S.A.W. tetap mengizinkan Jabir menaikinya sehinggalah sampai menemui keluarganya. Apabila sampai Jabir pun menyerahkan unta tersebut dan mendapatkan bayaran dari nabi S.A.W. Selepas itu Jabir bersurai dan mendapatkan hartanya. Lalu nabi S.A.W. bersabda: “Aku tidak berhasrat untuk mengambil unta kamu. Ambillah unta kamu itu, maka ia menjadi milik kamu”.<sup>27</sup>

Penulis melihat bahawa hadis ini tidak boleh dijadikan hujah bahawa berlaku penanguhan serahan dan penanguhan harga serentak dalam urusan niaga. Mengenai penyerahan barangan terdapat dua pendapat di kalangan mazhab fikah:

- i. Golongan Hanafi dan Hanbali dan satu pendapat dari golongan Shafe'i yang diriwayatkan oleh orang-orang Kharasan tidak ada bezanya pada semua barang yang beli iaitu dikira penerimaan sempurna secara *takhliah* iaitu keizinan menggunakan barangan tersebut.<sup>28</sup>
- ii. Golongan Shafe'i membezakan antara barangan kekal dengan barangan mudah alih. Barangan mudah alih secara pindahan dan yang satu lagi secara *takhliah*.<sup>29</sup>

Di dalam hadis tersebut jelas memperlihatkan bahawa penerimaan unta tersebut secara takhliyah iaitu berpindah milik unta itu ke tangan Nabi S.A.W. dengan akad yang berlaku dan barangan tersebut (unta) adalah barangan mudah alih. Seandainya pindahan secara praktikal menjadi syarat nescaya Nabi S.A.W. akan mengambilnya dari Jabir terlebih dahulu sebelum menyerahkannya kepada Jabir. Dalam hal ini Ibnu Hajar menjelaskan: “Golongan Maliki dan Hanafi berhujah bahawa penerimaan (Qabdh) dalam semua perkara ialah secara *takhliyah*. Imam Bukhari juga cenderung kepada pendapat ini”.<sup>30</sup>

Hadis ini juga dilihat lebih cenderung kepada makna hebah iaitu pemberian bukan bermakna jualbeli seperti kata Imam Nawawi : “Ianya bukan dimaksudkan sebagai jualbeli bahkan nabi S.A.W. berhasrat untuk melakukan kebaikan dan ihsan kepadanya (Jabir) dengan pembayaran harga agar beliau tidak merasa malu untuk mengambilnya dan jalan hadis ini menunjukkan sedemikian ”.<sup>31</sup>

#### ii-Tujuan yang tidak menepati syariat

Terdapat helah di dalam urusanniaga iaitu semata-mata untuk mendapat keuntungan menerusi perbezaan harga. Penjual menjual apabila dirasakan harga telah tinggi pada hari penyelesaian. Pembeli membeli apabila dirasakan harga menjunam jatuh pada hari penyelesaian. Apabila tiba waktu penyelesaian, jika harga yang dijangkakan rendah oleh pembeli itu tiba-tiba didapatinya naik, maka pembeli telah kerugian kerana terpaksa membayar lebih daripada yang dijangkakan. Begitu juga dengan penjual, jika dia menjual dengan sangkaan bahawa harganya akan naik begitu tinggi pada hari penyelesaian, tiba-tiba dihari tersebut harga sahamnya begitu rendah, maka dia terpaksa menanggung kerugian. Kontrak ini dilihat sebagai suatu judi yang dilarang. Sesiapa yang meleset jangkannya akan menerima kerugian.

#### iii-Berlaku gharar dan dharar bagi salah seorang di antara penjual atau pembeli

Urusniaga ini didapati merugikan salah satu pihak kerana salah seorang memperolehi keuntungan di atas kerugian orang lain. Hal ini termasuk di

dalam kategori gharar atau judi.

Urusniaga seperti ini termasuk dalam jualbeli barang yang tidak dimiliki ketika aqad kontrak dilakukan. Sandaran kepada jualbeli ini ialah kepada saham (bagi pembeli) atau harga (bagi penjual) yang bakal diperolehinya pada waktu penyelesaian. Isu sebenarnya ialah untuk mendapatkan keuntungan menerusi perbezaan harga manakala saham itu dijadikan sebagai alat untuk mencapai maksud sebagaimana yang dijelaskan oleh Dr. al-Siddiq Al Darir iaitu urusniaga menerusi perbezaan harga tidak harus menurut fiqh Islam. Ianya adalah judi yang tidak disyariatkan bahkan ianya bukanlah jualbeli dalam ertikata sebenarnya. Ia adalah memakan harta secara batil secara berjudi kerana penjual atau pembeli tersebut tidak melakukan apa-apa yang layak untuknya sebagai penjual atau pembeli.<sup>32</sup>

## PENUTUP

Sebagai kesimpulan daripada perbincangan di atas dapat dibuat kesimpulan bahawa di dalam jualbeli khususnya saham, selain daripada perkara-perkara yang zahir dan tersurat yang diambil kira, aspek yang tersirat atau batin tidak boleh diabaikan khususnya apabila ianya menjadi suatu yang dominan atau ketara di dalam sesuatu urusniaga. Di dalam fiqh Islam ianya dibincangkan di bawah konsep helah yang membawa natijah tertentu antaranya gharar atau judi. Sekalipun aspek batin hanya individu yang terbabit sahaja barangkali mengetahuinya, tetapi sekiranya perkara ini begitu ketara berlaku di dalam pasaran bahkan memudaratkan pasaran tindakan sewajarnya perlu dilakukan untuk menyekat dari berlaku keburukan.

<sup>1</sup> Abdul Halim Ismail, *The deferred contracts of exchange in al-qur'an*, dalam *An introduction to Islamic finance*, Quill Publishers, Kuala Lumpur, 1992, hlm. 284.

<sup>2</sup> Riduan, *Aswaq al-awraq al-maliyyah*, al-Ma'had al-'Alami Lil Fikr al-Islamiy, al-Qaherah, 1417H/1996, hlm. 216.

<sup>3</sup> Sulaiman. Ra'yu al-tasyri' al-islamiy fi masail al-bursoh, dalam *al-*

- Mausu'ah al-'Ilmiyyah wa al-'Amaliyyah*. Al-Ittihad al-Dauli Lil Bunuk al-Islamiyyah, al-Qaherah, 1402H/1982M, Juz.5, Jil.1, hlm.395.
- <sup>4</sup> Riduan, *Aswaq al-Auraq al-Maliyyah*, hlm. 222.
- <sup>5</sup> Ibid., hlm. 222-223.
- <sup>6</sup> Sheikh Abdullah Basmeih, *Tafsir pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian al-qur'an*, Jabatan Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, Cet. 5, 1413H/1992M. hlm. 110.
- <sup>7</sup> al-Shatibiy, *al-Muwafaqat fi usul al-al-syari'ah*, Dar al-Ma'rifah, Beirut, t.th. J.4, hlm. 194 dan 201.
- <sup>8</sup> Ibnu al-Humam, *Syarh fathu al-Qadir*, J.7,hal. 51, Ibnu "Abidin, *Hasyiah rad al-muhtar "ala dur al-mukhtar*, Dar al-Fikr, Beirut, 1412H/1992, Jil. 5, hlm. 106, al-Kasaniy, *Badai" al-sonai' fi tartib al-syarai'*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, t.th. , J.5, hlm.147, al-Dusuqiy, *Hasyiah al-Dusuqiy "ala syarh al-kabir*, "Isa al-Babiy al-Halabiy, t.t., t.th., J.3, Hal.12, Ibnu Rusyd, *Bidayah al-mujtahid wa nihayah al-muqtasid*, t.p.,t.tt. 1409H/1989. J.2, hlm. 281.
- <sup>9</sup> al-Bukhariy, *Sahih*, Kitab al-Manaqib, bab 28, (hadis no. 3642), J.6, hal. 784
- <sup>10</sup> al-Syarbiniy, *Mughi al-muhtaj*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, 1415H/ 1994M, J.2,hlm.351, Al-Nawawiy, *Kitab al-Majmu' syar al-muhazzab*, Maktabah al-Irsyad, Jeddah,t.th. J.9 hal.311-312, al-Bahutiy, *Kasyaf al-qina' "an matn al-iqna"*, Dar al-Fikr , Beirut, 1402H/1982M, J.2, hal.157-158, al-Maqdisi, *Al-Syarh al-kabir*, Dar al-Fikr, Beirut, 1414H/ 1994, J.4,hal.18.
- <sup>11</sup> Ibnu Majah, *Sunan*, kitab al-Tijarat, ( no. hadis 2188). J.2, hlm. 737-738. Menurut al-Albaniy hadis ini bertaraf hasan sahih.
- <sup>12</sup> Ibnu Rajab, *al-Qawa'id fi al-fiqh al-islamiy*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, 1413H/1992M, hlm. 404.
- <sup>13</sup> Gharar ialah suatu kontrak yang tidak dapat dipastikan hasilnya. Lihat Mohd Sahri, *The gharar sale in share trading*, Institut Perkembangan Minda, Kuala Lumpur. 1994, hlm.5.
- <sup>14</sup> Ibnu Taimiyyah, *Al-Qiyas fi al-syar'i al-islamiy*, Al-Qaherah, Al-Matba'ah al-Salafiyyah, hlm. 29-31.
- <sup>15</sup> al-Jarhiy, Al-Aswaq al-maliyyah fi al-nizam al-iqtisadiy al-islamiy, dalam *Al-Idarah al-maliyyah fi al-Islam*, Mujma' Al-Malikiy Li Buhuth Al-Hadarah Al-Islamiyyah Muassasah Aal al-Bayt. 'Amman, 1419H/1989M, J.1, hlm. 134.

- <sup>16</sup> al-Misriy, *Al-Maisir wa al-qimar al-musabaqat wa al-jawair*, Dar Al-Qalam, Dimasyq, 1412H/ 1991M, hlm. 29.
- <sup>17</sup> al-Darir, *al-Gharar wa atharuhu fi al-uqud fi al-fiqh al-islamiy*, Dar Al-Jil, Beirut, 1401H/1990M, hal. 40.
- <sup>18</sup> al-Zuhailiy, *Al-Fiqh al-Islamiy wa adillatuh*, Dar Al-Fikr, Dimasyq, 1409H/1989M, Jil.4, hlm. 438-441.
- <sup>19</sup> Riduan, *Aswaq al-auraq al-maliyyah*, ibid., hlm. 228, Al-Jarihiy, *Al-Aswaq al-maliyyah fi al-nizam al- Iqtisadiy al islamiy*, ibid., Jil. 1., hlm. 120 & Ismail Ibrahim, *Saham dan pasaran saham*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993, hlm. 36.
- <sup>20</sup> Riduan, *Aswaq al-auraq al-Maliyyah*, ibid., hlm. 328-329., Rosalan Haji Ali, *Pelaburan penilaian dan penerapan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1993, hlm. 80-82.
- <sup>21</sup> Riduan, *Aswaq al-auraq al-maliyyah*, ibid., hlm. 330.
- <sup>22</sup> Al-Bisat, *Al-Aswaq al-maliyyah al-dauliyyah wa bursot al-auraq al-maliyyah*, Ittihad Al-Masorif Al- ‘Arabiyyah, t.tp, t.th. hlm.37-38, Hasan, ‘*Amal syarikat al-Istithmar al-islamiyyah fi al-suq al-‘alamiyyah*, Bank Al-Barakah Al-Islamiy Lil Istithmar, Bahrain, 1407H/1987M, hlm. 128., Al-Syarif, *Ahkam al-Suq al- Maliyyah*, dalam *Majallah mujma’ al-fiqh al-islamiy*, Munazzomah Al-Mu’tamar Al-Islamiy, Jeddah, Bil.6, Juz.2, 1410H/1990, hlm. 1302, Al-Qurrah Daghiy, *Baith al-aswaq al-maliyyah fi mizan al-fiqh al-islamiy*, dalam *Majallah mujma’ al-fiqh al islamiy*, Munazzomah Al Mu’tamar Al Islamiy, Jeddah, Bil.7, Juz.1, 1412H/1992M, hlm. 152.
- <sup>23</sup> Riduan, *Aswaq al-auraq al-maliyyah*, ibid., hlm. 332.
- <sup>24</sup> 38, Hasan, ‘*Amal syarikat al-istithmar*, ibid., hlm. 128, al-Syarif, *Ahkam al-Suq al Maliyyah*, ibid., hlm. 1302.
- <sup>25</sup> al-Daruqutniy, *Sunan*, *Kitab al-Buyu’* (no. hadis 270), J.3 hlm. 72. Hadis ini adalah hadis daif. Lihat al-Syaukaniy, *Nail al Autar syarh muntaqa al akhbar*, Dar al-Qalam, Beirut, t.th., J.5. hlm. 156.
- <sup>26</sup> al-Kasaniy, *al-Bada’i*, ibid., J.5, hal.231. Ibnu Rusyd, *Bidayah al-mujtahid*, ibid., J.2, hal. 242. al-Ramliy, *Nihayah al-muhtaj*, J.3, hal.454. Ibnu Qudamah, *al-Mughniy*, J.4 hal.186.
- <sup>27</sup> al-Bukhariy, *Sahih*, *Kitab al-Syurut*, (no. Hadis 2718), J.5, hlm. 397, Muslim, *Sahih*, (*Kitab Al Musaqtat wa Al Muzara’at*), J.11, hlm. 210.
- <sup>28</sup> Ibn ‘Abidin, *Hasyiah rad al-muhtar*, J.3, hlm.599, al-Nawawiy, *Majmu’*, J.9.hlm.342, al-Maqdisiy, *Al-Syarh al-kabir*, Dar al-Fikr,

Beirut, 1414H/1994M, J.4, hlm. 131.

<sup>29</sup> al-Syarbiniy, *Mughniy al muhtaj*, J.2, hlm. 465.

<sup>30</sup> al-'Asqalaniy, *Fath al-bari syarh sahih al-Bukhariy*, Dar al-Kutub Al-'Ilmiyyah, Beirut, 1410H/1989, J.4, hlm.421.

<sup>31</sup> al-Nawawiy, *Al-Majmu'*, J.9, hlm.465.

<sup>32</sup> al-Darir, *Al-Gharar wa atharuhu*, hlm.619 &628.

## RUJUKAN

Abdul Halim Ismail.1992. The deferred contracts of exchange in al-Qur'an. Dlm. Sheikh Ghazali Sheikh Abod, Syed Omar Syed Agil & Aidit Hj. Ghazali (pnyt). *An introduction to Islamic finance*, hlm. 284-313. Kuala Lumpur: Quill-Publishers.

al-Albaniy, Muhammad Nasir al-Din. 1407H/1986M. *Sahih sunan Ibn Majah*. Beirut: al-Maktab al-Islamiy.

al-Nawawiy, Mahyu al-Din Yahya bin Syarf. t.th. *Kitab al-Majmu' syar al-muhazzab*. Jeddah: Maktabah al-'Irsyad.

al-'Asqalaniy, Ahmad bin "Ali bin Hajr. 1410H/1989. *Fath al-bari syarh sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

al-Bahuti, Mansur bin Yunus. 1402H/1982M. *Kasyaf al-qina' "an matn al-iqna"*. Beirut: Dar al-Fikr.

al-Bisat, Hisyam. t.th. *al-Aswaq al-maliyyah al-dauliyyah wa bursot al-auraq al-maliyyah*, t.tp: Ittihad Al Masorif Al 'Arabiyyah.

al-Bukhariy, Muhammad bin Ismail. 1410H/1989M. *Sahih al-Bukhariy*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

al-Darir, al-Siddiq Muhammad al-Amin.1401H/1990M. *al-Gharar wa atharuhu fi al-'uqud fi al- fiqh al-islamiy*. Beirut: Dar al-Jil.

al-Daruqutniy, "Ali bin "Umar.1406H/1986M. *Sunan al-Daruqutniy*.Ed. ke-4. Beirut: "Alam al-Kutub.

al-Dusuqiy, Syams al-Din al-Syakh Muhammad. t.th. *Hasyiah al-Dusuqiy "ala syarh al-kabir*. t.tp: "Isa al-Babiy al-Halabiy.

al-Jarihiy, Ma'bad 'Ali. 1419H/1989M. *al-Aswaq al-maliyyah fi al-nizam al-iqtisadiy al-islamiy*. Dlm. *al-Idarah al-maliyyah fi al-Islam*. "Amman: Mujma' al-Malikiy Li Buhuth al-Hadarah al- Islamiyyah Muassasah Aal al-Bayt. (1):

al-Kasaniy, 'Ala al-Din Abu Bakr bin Mas'ud. t.th. *Badai' al-sonai' fi tartib al-syarai'*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- al-Maqdisiy, Shams al-Din ‘Abd al-Rahman.1414H/ 1994M. *al-Syarh al-kabir*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Misri, Rafiq Yunus, 1412H/ 1991M. *al-Maisir wa al-qimar al-musabaqat wa al-jawair*. Dimasyq: Dar al-Qalam.
- al-Qurrah Daghi, “Ali Mahyu al-Din. 1412H/1992M. Baht al-aswaq al-maliyyah fi mizan al-fiqh al-islamiy. Dlm. *Majallah mujma’ al-fiqh al islamiy*. Jeddah: Munazzomah al-Mu’tamar al-Islamiy. 7(1):
- al-Ramliy, Syams al-Din Muhammad. 1404H/1984M. *Nihayah al-muhtaj ila syar al-minhaj*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Shatibiy, Abu Ishak Ibrahim bin Musa al-Gharnatiy. t.th. *al-Muwafaqat fi usul al-syari’ah*. Beirut: Dar al-Ma’rifah.
- al-Syarbiniy, Syams al-Din Muhammad bin Muhammad al-Khatib.1415H/ 1994M. *Mughniy al-muhtaj*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-’Ilmiyyah.
- al-Syarbiniy, Syams al-Din Muhammad bin Muhammad al-Khatib.1415H/ 1994M. *Mughni al-muhtaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-’Ilmiyyah.
- al-Syarif, Muhammad “Abd al-Ghaffar. 1410H/1990M. Ahkam al-Suq al-Maliyyah. Dlm. *Majallah mujma’ al-fiqh al islamiy*, Jeddah: Munazzomah Al Mu’tamar Al Islamiy. 6(2):1302.
- al-Syaukaniy, Muhammad bin “Ali. t.th. *Nail al-Autar syarh muntaqa al-akhbar*. Beirut: Dar al-Qalam.
- al-Zuhailiy, Wahbah.1409H/1989M. *al-Fiqh al-Islamiy wa adillatuh*. Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Hasan, Ahmad Mahyu al-Din Ahmad. 1407H/1987M. *‘Amal syarikat al-Istithmar al-islamiyyah fi al-suq al-‘alamiyyah*. Bahrain: Bank al-Barakah al-Islamiy Lil Istithmar.
- Ibnu “Abidin, Muhammad Amin. 1412H/1992M. *Hasyiah rad al-muhtar ‘ala dur al-mukhtar*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibnu al-Humam, Kamal al-Din Muhammad. 1977. *Syarh fathu al-Qadir*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibnu Majah, Muhammad bin Yazid. t.th. *Sunan ibn majah*, t.tp: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabiyy.
- Ibnu Qudamah, “Abdullah bin Ahmad. *al-Mughniy*. 1414H/1994M. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibnu Rajab, Zain al-Din ‘Abd al-Rahman bin Syihab al-Din. 1413H/ 1992M. *Al-Qawa’id fi al-fiqh al-islamiy*, Beirut: Dar al-Kutub al-’Ilmiyyah.
- Ibnu Rusyd, Muhammad bin Ahmad. 1409H/1989M. *Bidayah al-mujtahid wa nihayah al-muqtasid*, t.tp:t.pt.



- Ibnu Taimiyyah, Taqiy al-Din Ahmad bin Taimiyyah. 1385H. *Al-Qiyas fi al-syar'i al islamiy*. al-Qaherah: Al-Matba'ah al-Salafiyyah.
- Ismail Ibrahim. 1993. *Saham dan pasaran saham*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Sahri Abd. Rahman. 1994. *The gharar sale in share trading*. Kuala Lumpur: Institut Perkembangan Minda.
- Muslim. 1416H/1997M. *Sahih Muslim bi syarh al-Nawawiy*. Ed. ke-3. Beirut: Dar al-Khair.
- Riduan, Samir 'Abd al-Hamid.1417H/1996M. *Aswaq al-awraq al-maliyyah*, al-Qaherah: Ma'had al 'Alami Lil Fikr al Islamiy.
- Rosalan Haji Ali. 1993. *Pelaburan penilaian dan penerapan* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Sheikh Abdullah Basmeih.1413H/1992. *Tafsir pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian al-qur'an*. Ed. Ke-5. Kuala Lumpur: Jabatan Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Sulaiman, Ahmad Yusuf. 1402H/1982M. Ra'yu al-tasyri' al- islamiy fi masail al-bursoh. Dlm. *al Mausu'ah al 'lmiyyah wa al 'Amaliyyah*. 5(1).389-437. al-Qaherah: al-Ittihad al-Dauliy Lil Bunuk al-Islamiyyah.

